

24/04/1997

PM umumkan agenda IT hari ini

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan Agenda IT Negara yang ditunggu-tunggu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC)), esok.

Agenda yang menyeluruh itu akan merangkumi semua aspek pembangunan IT di negara ini termasuk struktur maklumat dan prasarana Koridor Raya Multimedia (MSC) dan usaha-usaha bagi mewujudkan masyarakat berpengetahuan.

Seorang jurucakap NITC memberitahu Bernama hari ini, Perdana Menteri juga dijangka mengumumkan proses pelaksanaan aplikasi penunjuk cara bagi MSC.

Aplikasi penunjuk cara ialah aplikasi yang kecil yang lebih mementing penumpuan dibandingkan dengan aplikasi utama. Rangkaian perpustakaan elektronik, perisian kursus haji dan umrah dan Infonet Rakan Muda adalah antara contohnya.

Dr Mahathir, selaku pengerusi Pengerusi NITC, juga akan mengumumkan tarikh dan tempat Persidangan Multimedia Asia '97 yang akan berlangsung di sini.

NITC dianggotai wakil-wakil sektor awam dan swasta pada nisbah yang sama. Setiausaha tetapnya ialah Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen yang juga presiden dan ketua eksekutif Mimos Berhad. - Bernama.

(END)